

Taiping BANDAR WARISAN ZAMAN-BERZAMAN

Teks: Chai Loon Guan


Taiping, demikianlah nama sebuah bandar yang amat istimewa dan bersejarah di daerah Larut, Matang dan Selama (LMS), Perak Darul Ridzuan. Daerah Larut Matang terdiri daripada 12 mukim, iaitu Assam Kumbang, Jebong, Tupai, Bandar Taiping, Pengkalan Aur, Simpang, Sungai Limau, Bukit Gantang, Trong, Sungai Tinggi, Batu Kurau dan Kamunting. Selain merupakan bandar yang tertua di Malaysia, berlandskap unik dan indah, bumi bertuah Taiping sentiasa bersih, terpelihara dan terhindar daripada kekotoran sampah sarap, serta bebas daripada kebobrokan alam sekitar.

Yang bersejarah dan menariknya, Taiping yang dikenali sebagai Bandar Warisan telah berjaya menerima pengiktirafan sebagai pemenang tempat ketiga bagi kategori Anugerah 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia 2019 bersempena dengan Pameran Pelancongan Antarabangsa Borse di Berlin, Jerman selepas Ljubljana, ibu kota Slovenia, dinobatkan sebagai pemenang pertama dan Vancouver, Kanada di tempat yang kedua. Pameran antarabangsa yang berprestij tersebut dianjurkan oleh 13 organisasi dari seluruh dunia, termasuklah *Green Destinations Foundation Belanda*, Pelancongan Antarabangsa Borse Berlin,

Jerman, *Asian Ecotourism Network, Thailand, Ecotourism Australia, The Long Run, United Kingdom dan Linking Tourism & Conservation (LT&C), Norway.*



Taiping dikenali sebagai Bandar Warisan.



Sekitar pemandangan indah di Taman Tasik Taiping.


Taiping juga pernah mendapat anugerah pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, antaranya termasuklah Pengurus Destinasi Terbaik 2016 oleh Lembaga Promosi Pelancongan Asia Pasifik, Anugerah Emas Majlis Pelancongan Malaysia 2017 bagi kategori Destinasi Ekopelancongan Warisan Terbaik, Anugerah Emas Majlis Pelancongan Malaysia 2018 bagi kategori Kempen Promosi Pelancongan Terbaik serta Anugerah "Best City & Town Park 2018" peringkat kebangsaan. Syabas dan tahniah kepada komuniti, penduduk dan Majlis Perbandaran Taiping kerana berjaya mempromosikan dan memasyhurkan imej negara di peta pelancongan antarabangsa.

Dari segi latar belakang ekonomi dan sejarahnya pula, daerah Larut, Matang dan Selama merupakan kawasan yang makmur di utara Perak Darul Ridzuan suatu ketika dahulu. Sempadannya menganjur dari Sungai Beruas di selatan hingga Sungai Kerian



Zoo Taiping mempunyai pelbagai spesies haiwan.

di utara. Larut, Matang dan Selama menjadi unggul kerana penemuan bijih timah di Klian Pauh pada tahun 1848 oleh seorang pembesar Melayu bernama Long Jaafar. Atas kejayaan



Dua ekor zirafah yang terdapat di Zoo Taiping.

perusahaan bijih timahnya, Long Jaafar kemudiannya dianugerahi kuasa pentadbiran dan hak untuk melombong bijih di sekitar Klian Pauh.

Sebagai bandar tertua yang amat terkenal, menarik dan mesra alam, Taiping turut memainkan peranan yang penting dalam sejarah negeri Perak Darul Ridzuan. Dahulunya dikenali sebagai Klian Pauh, nama Taiping dipilih bersempena dengan Perjanjian Pangkor yang telah ditandatangani pada 20 Januari 1874 di atas kapal *HMS Pluto* sebagai tanda berakhirnya



Bukit Larut kaya dengan khazanah flora dan fauna.

Perang Larut. Sebenarnya, Taiping berasal daripada perkataan Cina, iaitu *Tai-Peng*, yang bermaksud aman selama-lamanya. Keputusan kerajaan British untuk menjadikan Taiping sebagai pusat pentadbiran mereka, bandar yang dahulunya mundur telah berubah menjadi bandar yang maju dan sibuk berbanding dengan bandar-bandar yang lain. Berkembang seiring dengan era kemajuan, wujud rangkaian sejarah yang pertama yang menjadikan Taiping sebagai sebuah bandar yang terkenal di Malaysia sehingga hari ini. Taiping pernah mengambil alih peranan sebagai ibu negeri Perak daripada Kuala Kangsar pada tahun 1876 hingga 1937 sebelum digantikan dengan bandar Ipoh.



Mi banjir udang merupakan makanan istimewa di Taiping.

Sebagai ibu kota perlombongan awal pada suatu ketika dahulu, Taiping pernah diiktiraf sebagai bandar yang menjadi perintis ulung kepada kemunculan pertama beberapa kategori tempat dan bangunan yang bersejarah di negeri-negeri Melayu. Tempat dan bangunan tersebut antaranya termasuklah Bandar

Taiping yang wujud sejak tahun 1874, Balai Penghulu yang dibuka pada tahun 1875, dan Gereja Roman Katolik dibina pada tahun 1875 dan pejabat pos dan telegraf sejak tahun 1877 yang kini dikenali sebagai Muzium Telegraf Taiping.

Seterusnya, Bukit Maxwell atau Bukit Larut yang wujud sejak 1879, Rumah Rehat (1879), Menara Jam (1881/1891), hospital besar (1881), balai polis (1881), Gereja Anglikan (1883), pasar (1884), Taman Tasik Taiping (1884), Stesen Kereta Api – Landasan dari Taiping ke Kuala Sepetang/Port Weld (1885), padang golf (1886), Persatuan Kwangtung (1887), Chartered Bank (1888), SMK Treacher Methodist (1889), Persatuan Ceylon (1899), Aerodrome (1930), Perkuburan Perang (1947) dan Safari Malam (2003), turut menjadi perintis lokasi bersejarah yang wujud di Malaysia.

Selain tempat yang bersejarah dan beribadat, Taiping juga menjadi tumpuan pakej percutian dan pelancongan, iaitu wujudnya beberapa tempat menarik yang difikirkan wajar dikunjungi oleh para wisatawan atau pelancong dari dalam dan luar negara. Antara tempat tersebut termasuklah Kompleks Sejarah Kota Ngah Ibrahim (1870-an) di Mukim Matang, Zoo Taiping, Galleria Pertama, Inap Desa Agro Bukit Gantang dan Kolam Air Panas Trong, Penghasilan Arang Kayu dan Perikanan di Kuala Sepetang, Galeri Penjara Taiping, Hutan Paya Laut Matang, Kolam Burmese, Esplanade dan Kolam Renang Kemahkotaan. Taman Tasik Taiping yang dibuka pada tahun 1884 yang menyamai Kensington Park di London, iaitu sebuah taman awam yang tersenarai dalam lapan *Royal Park* tercantik di London, telah diiktiraf sebagai tapak warisan kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara berdasarkan Akta 645, iaitu Akta Warisan Kebangsaan.

Taiping juga kaya akan pelbagai resipi makanan dan minuman tempatan dan Barat yang istimewa, enak dan murah. Yang pastinya, para pelancong tidak akan melepaskan peluang untuk menikmati sarapan, makan tengah hari dan makan malam di kedai, gerai makan atau restoran, terutamanya di Medan Selera



Muzium Telegraf Taiping yang dibina pada tahun 1877.

Matang, Jalan Panggung Wayang, Taiping.

Makanan istimewa yang wajar dirasai di sini antaranya termasuklah kuetiau goreng, bebola ikan, mi rebus, mi banjir udang, kuih nyonya (onde-onde, kuih sembilan lapis, kuih bingka ubi), *chee cheong fun*, popia, sate atau kebab, rojak sotong, cendol, ais kacang merah, jicama (sengkuang), lok-lok, apam balik, asam laksa, nasi ayam, telur dadar, makanan laut, minuman teh dan kopi serta buah-buahan tempatan, bersama-sama ahli keluarga dan handai taulan pada setiap kali datang berkunjung ke bandar warisan tersebut.

Selain kemudahan seperti Sentral Taiping, Tesco, The Store, Giant, pasar tani, pasar malam, klinik, hospital, reruai cenderamata dan bank, prasarana inap desa, hotel dan tempat penginapan yang bertaraf antarabangsa turut disediakan untuk kemudahan dan keselesaan para wisatawan menelusuri hari-hari atau minggu percutian mereka di bandar bersejarah tersebut. Antara tempat penginapan yang menjadi tumpuan pelancong termasuklah Hotel Flemington, Hotel Taiping Perdana, Kamalodge Café & Resort, Hotel Legend Inn, Hotel Panorama, Vila Sentosa, Hotel Seri Malaysia, Hotel Furama, Hotel SSL Traders, Hotel Meridien, Hotel Novotel, The Regency Hotel Seri Warisan, dan Taiping Golf Resort. Yang pastinya, percutian di Taiping membolehkan para pelancong atau pelawat menghayati keindahan landskap semula jadi, menelusuri warna-warni budaya masyarakat berbilang ras, agama dan latar belakang setempat sekali gus mencatatkan kenangan abadi dalam diari kehidupan masing-masing selagi hayat dikandung badan. Selamat berdarmawisata ke Taiping, sebuah bandar warisan dan destinasi lestari yang terbaik di dunia!



Menara jam di Taiping mempunyai reka bentuk yang unik.

TAIPING II

Sejarahmu, Taiping
tertera akan kehadiran
imigran Cina awal 1870-an
sebelum campur tangan British
Taiping@Klian Pauh
ibu negeri daerah
Larut, Matang dan Selama

Kisah Long Jaafar (1848)
Raja Muda Ngah Ali
Temenggong, Panglima Bukit Gantang
Panglima Kinta, Syahbandar
Seri Adika Raja
Ghee Hin vs Hai San (1860 - 1884)
pembunuhan James Wheeler Wooford Birch
di bumi Pasir Salak (1875)
Taiping, ibu negeri Perak (1876 - 1937)
sebelum beralih ke Ipoh

Ceritera bijih timah
landasan kereta api pertama
Taiping ke Port Weld/Kuala Sepetang (1 Jun 1885)
berlandskapkan Bukit Larut
Taiping
setenang air Taman Tasik
serendang pepohon Albizia saman
sebenang dingin iklim perbukitan
kebum tulip, Zoo Safari Malam
juadah muhibah
kuetiau goreng, makanan laut murah
menggamit wisatawan
dari luar dan dalam
dari siang hingga malam

budi bahasa anak dara
santun bicara anak teruna
menambahserikan Taiping
bandar warisan zaman-berzaman!

**Chai Loon Guan,
Hotel Flemington, Taiping.**